



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 55  
Bil. 13

**20hb Jun 2002**

*TAMBAHAN*  
*No. 4*

---

---

EKSAIS 1976  
(Akta 176)

**No. 521.**

MESYUARAT LEMBAGA PELESEN (EKSAIS)  
DAERAH BATANG PADANG

Dengan ini adalah diberitahu Lembaga Pelesen (Eksais) bagi Daerah Batang Padang akan bersidang di Pejabat Daerah Batang Padang, Tapah pada hari Rabu bertarikh 26 Jun, 2002 jam 2.30 petang di mana permohonan pembaharuan lesen, menukar nama/tempat perniagaan bagi setengah tahun kedua akan dipertimbangkan.

2. Permohonan hendaklah dibuat atas borang yang tertentu dalam empat (4) salinan dan dihantar kepada Pengerusi Lembaga Pelesen (Eksais) Batang Padang di alamat Pejabat Daerah Batang Padang, Tapah tidak lewat daripada hari Rabu 12 Jun, 2002.

PEJABAT DAERAH  
BATANG PADANG,  
TAPAH.  
Bertarikh 30 Mei 2002.  
[PDBP. 22/9/11 Pt. 1.]

SYED ABDULLAH BIN SYED MOHAMED  
Pengerusi,  
Lembaga Pelesen (Eksais)  
Daerah Batang Padang  
Tapah

**No. 522.**

## MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN (EKSAIS) HULU PERAK

Dengan ini diberitahu bahawa Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah Hulu Perak akan mengadakan persidangannya di Bilik Gerakan Pejabat Daerah, Gerik pada hari Jumaat 28-6-2002 jam 10.00 pagi bagi menimbangkan permohonan-permohonan lesen baru/pembaharuan/pindahmilik lesen bagi tempoh setengah tahun kedua tahun 2002.

2. Permohonan menggunakan borang (Eksais 27) dalam enam (6) salinan hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah Hulu Perak, d/a Pejabat Daerah Hulu Perak, 33300 Gerik pada atau sebelum 22-6-2002.

3. Permohonan lesen baru hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan yang sah dan hendaklah mempamerkan satu salinan permohonannya dipremis yang hendak dilesenkan tidak kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh persidangan. Permohonan hendaklah juga diiklankan dalam sebuah akhbar berbahasa Melayu dengan perbelanjaan sendiri.

4. Bantahan terhadap permohonan lesen baru hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi, Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah Hulu Perak, Gerik dan Ketua Polis Daerah Hulu Perak, Gerik selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh persidangan.

Bertarikh 28 Jun 2002.

[P.D.Hu. Pk. 208 Bhg. 17.]

MAHMUD BIN HJ. MORSIDI  
Pengerusi,  
Lembaga Pelesenan (Eksais)  
Daerah Hulu Perak

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA



